**ASAS KEUSAHAWANAN ( ETR 300)**

RANCANGAN PERNIAGAAN

***INDAH CANOPY SDN.BHD***

DI SEDIAKAN UNTUK :

**PUAN CHUA SUAT AI**

PENSYARAH ETR 300

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

DI SEDIAKAN OLEH :


| | |
|---|---|
| AZIAH BINTI MASHOD | 96614418 |
| HAFIDA ANIS BINTI BAKAR | 96522812 |
| IZMAWATY AZURA HAJI ABD.AZIZ | 96966797 |
| NORHALIZA BINTI JAMIEN | 96969519 |
| RADHIAZMAH BINTI DAHLAN | 96607222 |


**DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM 05**

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

# INSTITUT TEKNOLOGI MARA

## CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 31 Disember 1998
Surat Tuan:
Surat Kami: 100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963 06-5591067


**KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN**

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pentadbiran Awam di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran ETR 300 Asas Keusahawanan

| **Bil.** | **Nama Pelajar** | **No. ITM** |
|---|---|---|
| 1. | Aziah bt. Mashod | 96614418 |
| 2. | Hafida Anis bt. Bakar | 96522812 |
| 3. | Izmawaty Azura bt. Hj. Abd. Aziz | 96966797 |
| 4. | Norhaliza bt. Jamien | 96969519 |
| 5. | Radhiazmah bt. Dahlan | 96607222 |

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarkan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

**ROZALLI HASHIM**
**Ketua Kursus DPA**
**ITM Melaka.**
**b/p Pengetua**

Pelajar-pelajar Asas Keusahawanan
Diploma In Public Administration
ITM Cawangan Melaka
Km.26 Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka

5 APRIL 1999

Mrs.Chua Suat Ai
Pensyarah ETR 300
ITM Cawangan Melaka
Km. 26 Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka

Mrs. Chua Suat Ai

**SERAHAN LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN**

Berhubung dengan perkara di atas, kami telah diarahkan untuk menyiapkan Rancangan Perniagaan ( RP ) berkenaan dengan perniagaan yang telah dirancang.Rancangan Perniagaan ini telahpun disiapkan mengikut arahan-arahan, tatacara-tatacara dan proses-proses seperti yang telah ditetapkan oleh Puan Chua Suat Ai.

Kumpulan kami telah memilih untuk menjalankan perniagaan berbentuk perkhidmatan sewaan khemah yang berlokasi di alamat No: 15, Jalan Bunga Kemboja 12, Taman Muda, 56100 Kuala Lumpur.Faktor utama yang mendorong kami memilih lokasi tersebut adalah kerana kami menjangkakan perniagaan ini mempunyai potensi besar untuk berkembang pesat di kawasan ini.

Dengan penuh rasa hormat dan kesyukuran kami menyerahkan Rancangan Perniagaan ini kepada pihak Puan Chua Suat Ai untuk dibuat penilaian seterusnya.Kami juga bersedia untuk memberi apa jua maklumat tambahan yang difikirkan perlu oleh pihak puan.Namun begitu, kami amat berharap agar pihak puan berpuas hati dengan hasil kerja yang telah kami usahakan ini,

Sekian, Terima kasih.

Yang Benar,

...............................

( AZIAH MASHOD )

...............................

( IZMAWATY AZURA AZIZ )

...............................

( HAFIDA ANIS BAKAR )

...............................

( NORHALIZA JAMIEN )

...............................

( RADHIAZMAH DAHLAN )

# PENGENALAN

Dewasa ini majlis keramaian telah menjadi satu "trend" bagi masyarakat Malaysia.Ini termasuklah majlis perkahwinan, pertunangan, sukaneka, majlis sempena menyambut perayaan, majlis harijadi dan sebagainya.Justeru itu, keperluan terhadap kelengkapan dan peralatan perkhemahan adalah amat diperlukan bagi menjayakan sesuatu majlis tersebut.Antara peralatan yang dimaksudkan ialah khemah,kerusi,meja, PA sistem,kipas dan kelengkapan yang berkaitan dengannya.

Jika dilihat dari segi permintaan yang tinggi dari orang ramai, nyata perniagaan kanopi ini mempunyai potensi yang besar untuk berkembang maju.Memandangkan perniagaan ini di tahap sedang berkembang, maka kami ingin merebut peluang yang ada dan mengambil inisiatif untuk menceburkan diri di dalam perniagaan kanopi ini.Maka dengan itu , kami telah merancang untuk menubuhkan **INDAH CANOPY SDN BHD** bagi memenuhi permintaan yang kian meningkat daripada para pelanggan.

**INDAH CANOPY SDN BHD** menawarkan perkhidmatan sewaan khemah,kerusi, meja,PA sistem, kipas dan kelengkapan yang berkaitan bagi mengadakan majlis-majlis keramaian.Perniagaan yang bakal kami jalankan di No: **15 Jalan Bunga Kemboja 12, Taman Muda, 56100 Cheras, Kuala Lumpur** ini adalah untuk memenuhi keperluan dan kehendak penduduk setempat dan sekitarnya yang mempunyai permintaan yang tinggi terhadap keperluan tersebut.Hal ini juga adalah disebabkan penduduk setempat dan kawasan perindrustrian terpaksa mendapatkan perkhidmatan kanopi ini di kawasan yang berjauhan dari tempat mereka untuk menjayakan sesuatu majlis.

Dengan itu, **INDAH CANOPY SDN BHD** akan cuba sedaya upaya untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik demi untuk memuaskan kehendak pelanggan.

*INSYAALLAH*